

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang  
Sidang 1997/98

April 1998

KIT 353 - Pemprosesan Kimia I

Masa : (3 jam)

---

Jawab sebarang LIMA soalan.


Hanya LIMA jawapan yang pertama sahaja akan diperiksa.

Jawab tiap-tiap soalan pada muka surat yang baru.


Kertas ini mengandungi TUJUH soalan semuanya (3 muka surat).

---


1. Proses penguraian terma atas hidrokarbon rantai sederhana membawa kepada alkena-alkena kecil dengan nilai tinggi.
  - (a) Namakan dua alkena kecil ini yang paling penting sekali mengikut kegunaan. (4 markah)
  - (b) Bincangkan proses penguraian ini dari segi mekanisme yang dianggap berlaku dengan merujuk kepada oktana sebagai contoh hidrokarbon sederhana itu. (8 markah)
  - (c) Metil tert-butileter (MTBE) sangat penting sekarang sebagai aditif dalam minyak petrol. Bagaimanakah MTBE ini dihasilkan daripada salah satu hasil penguraian terma di atas? (6 markah)
  - (d) Apakah kesan masa sentuh (masa bahan mendiami reaktor) atas taburan hasil daripada penguraian terma ini? (2 markah)
2. (a) Hidroformilan (*hydroformylation*) merupakan proses pengeluaran bahan kimia organik yang amat penting. Jelaskan secara ringkas proses ini. (10 markah)
- (b) Apakah gas sintesis dan bagaimanakah gas sintesis ini dihasilkan daripada arangbatu yang bersesuaian? (10 markah)

3. (a) Terangkan secara ringkas bagaimana BTX diperolehi daripada petroleum mentah.  
(6 markah)
- (b) Berikan langkah-langkah yang terlibat dalam proses penyediaan fenol daripada salah satu komponen BTX.  
(8 markah)
- (c) Terangkan dua contoh penggunaan fenol dalam industri.  
(6 markah)
4. Tunjukkan proses industri untuk menyediakan bahan-bahan yang berikut ini daripada etilena atau timbunan bahan primer yang lain.
- etanal (asetaldehid)
  - etanoik asid (asid asetik)
  - etilena oksida
  - etanol
  - dietil eter.
- (20 markah)
5. Bincangkan sejauh mana minyak sayuran boleh menggantikan minyak petroleum sebagai sumber bahan kimia industri. Berikan contoh-contoh.  
(20 markah)
6. (a) Tunjukkan mekanisme munasabah yang menjelaskan tindak balas berikut:
- (i) 
- (ii)  $\text{Cu}_2\text{C}_2 + 2\text{HCHO} \xrightarrow{\text{lalu asid}} \text{HOCH}_2\text{C}\equiv\text{CCH}_2\text{OH}$
- (iii)  $\text{CH}_3\text{CHO} + 4\text{HCHO} \xrightarrow{\text{NaOH}} \text{C}(\text{CH}_2\text{OH})_4$
- (10 markah)

- (b) Mangkin digunakan secara meluas dalam proses-proses kimia industri. Dengan menggunakan satu contoh yang sesuai, terangkan secara ringkas:
- (i) Pemangkinan pindahan fasa
  - (ii) Pemangkinan kepilihan bentuk-saiz
- (10 markah)
7. (a) Tunjukkan bagaimana terbitan benzena yang berikut boleh dihasilkan daripada BTX dan berikan contoh-contoh penggunaannya.
- (i) Klorobenzena
  - (ii) Stirena
  - (iii) Dinitrotoluena
- (10 markah)
- (b) Metil metakrilat dan vinil klorida adalah contoh sebatian vinil yang digunakan untuk pempolimeran. Bagaimanakah kedua-dua bahan ini dikeluarkan secara komersial?



metil metakrilat



vinil klorida

(10 markah)

oooooooo